

05/03/2000

Minggu Saham Amanah jadi acara tahunan

Abdul Razak Raaff

JOHOR BAHRU: Permodalan Nasional Berhad (PNB) mahu menjadikan Minggu Saham Amanah sebagai acara tahunan kerana berkeyakinan program berkenaan dapat menyediakan proses pendidikan celik pelaburan secara berterusan.

Minggu Saham Amanah yang julung kali seumpamanya akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 20 April depan.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman, berkata penganjuran minggu saham yang mirip kepada pameran kewangan di luar negara dapat mendekatkan pihaknya dengan pelbagai lapisan masyarakat Bumiputera terutama di luar bandar.

Beliau berkata, setiap lapisan masyarakat perlu diberi pendedahan dan kefahaman secukupnya mengenai industri pelaburan saham amanah selain mengetahui bagaimana PNB sebagai pengurus dana menguruskan wang yang dilaburkan.

"Program dalam minggu saham juga dapat memberi maklumat terkini kepada masyarakat mengenai kaedah konsep risiko dan pulangan pelaburan di pasaran saham amanah. Dengan ini, mereka dapat memahami maksud sebenar pasaran saham amanah dan saham terbuka seperti di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Matlamat kita ialah memastikan masyarakat Bumiputera di seluruh negara celik pelaburan supaya mereka sentiasa mahu membuat pelaburan sama ada dalam saham amanah atau saham terbuka bagi tempoh jangka panjang," katanya kepada pemberita di Majlis Mesra Bersama PNB, di sini malam semalam.

Turut hadir pada majlis makan malam meraikan wakil 157 ejen PNB di negeri ini ialah Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Dr Shahir Nasir dan Pengurus Pos Malaysia Berhad Johor, Mohd Zin Manap.

Hamad berkata, masyarakat dapat memahami dan belajar banyak perkara daripada minggu saham menerusi pameran, seminar, kuiz dan permainan pelaburan oleh syarikat kumpulan PNB dan pengurus dana lain.

Katanya, pada masa ini, tahap kefahaman masyarakat negara ini mengenai industri pelaburan saham amanah bertambah baik jika dibandingkan 20 tahun lalu, apabila PNB mula-mula melancarkan produknya.

Sebagai contoh, beliau berkata, pada 20 tahun lalu, pihaknya dapat mengutip RM5 juta hingga RM10 juta setiap tahun tetapi sekarang saiz dana yang terkumpul semakin besar seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) dapat kutip RM27 bilion manakala RM2.5 bilion bagi Amanah Saham Nasional (ASN).

"Ini menunjukkan tahap kefahaman masyarakat mengenai pelaburan bertambah baik menyebabkan mereka melabur selain mempunyai keyakinan terhadap pulangan yang diberikan PNB," katanya.

Setakat ini, PNB berjaya menarik kira-kira tujuh juta pelabur dan kini mengendalikan saiz dana kira-kira RM30 bilion.

(END)